

Sepuluh Hari Pertama Zulhijah yang

Istimewa

► **Mohd Farouq Nukman Zamri**
Pensyarah Fakulti Pengajian Islam dan
Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah

Dalam kehidupan kita, pasti terdapat beberapa hari yang dianggap istimewa. Keistimewaan hari tersebut pada kebiasaannya dikaitkan dengan kepentingan peribadi, keluarga, agama, masyarakat, negara dan sebagainya. Sudah pasti, pada hari yang istimewa tersebut kita akan lakukan perkara istimewa dan berbeza daripada hari-hari yang lain.

Sebagai contoh, dalam kehidupan sebagai sepasang suami isteri, ulang tahun perkahwinan merupakan hari yang istimewa bagi mereka. Pada hari tersebut, kebanyakan pasangan akan menyegarkan dan memekarkan kembali hubungan cinta mereka dengan cara masing-masing. Hal ini tidak bermakna hubungan cinta antara pasangan suami isteri pada hari yang lain kelam dan pudar, namun sudah pasti pada hari yang istimewa terdapat sesuatu yang berbeza.

Perkara yang sama juga perlu dilakukan dalam hubungan kita dengan Allah SWT. Pada

asasnya, kita perlu menjaga hubungan dengan Allah sebaik-baiknya pada setiap saat dan ketika. Caranya adalah dengan melakukan segala perintah Allah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Namun begitu, terdapat juga hari yang istimewa untuk kita menyegarkan dan memekarkan hubungan kita dengan Allah SWT. Pada hari tersebut, kita perlu menggandakan amalan supaya hubungan kita dengan Allah lebih rapat dan erat. Contohnya, pada 10 hari pertama dalam bulan Zulhijah, sepanjang bulan Ramadan dan 10 Muharam. Akan tetapi, artikel ini hanya

membincangkan berkaitan dengan kelebihan 10 hari pertama Zulhijah dan amalan yang digalakkan untuk dilakukan pada tempoh tersebut.

Kelebihan 10 hari pertama bulan Zulhijah

Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud, “Tidak ada hari yang amalan soleh pada hari tersebut lebih dicintai oleh Allah.” Yang dimaksudkan oleh Baginda ialah 10 hari pertama bulan Zulhijah. Lalu para sahabat bertanya: “Wahai Rasulullah, jihad pada jalan Allah pun tidak dapat menandingi amalan soleh pada hari tersebut?” Lantas baginda menjawab: “Jihad pada jalan Allah pun tidak dapat menandinginya melainkan seorang lelaki yang telah keluar dengan membawa jiwa dan hartanya, lalu dia tidak pulang dengan membawa sesuatu pun daripada jiwa dan hartanya itu.” (Hadis riwayat Abu Dawud).

Hadis ini jelas menunjukkan bahawa amalan seseorang hamba pada 10 hari pertama bulan Zulhijah lebih disukai oleh Allah berbanding dengan jihad pada jalan Allah yang tidak berakhir dengan mati syahid. Ketahuilah, bukan mudah bagi seseorang Muslim untuk keluar berjihad pada jalan Allah jika imannya tidak kuat. Keluar berjihad bermakna kita meninggalkan segala kesenangan dunia dan merisikokan nyawa untuk direntap oleh musuh.

Akan tetapi, perlu difahami bahawa hadis ini sama sekali tidak merendahkan pahala jihad pada jalan Allah yang tidak berakhir dengan mati syahid,

sebaliknya ingin menunjukkan betapa besarnya pahala amalan seseorang yang beribadat pada 10 hari pertama bulan Zulhijah. Begitulah besarnya rahmat Allah kepada hamba-Nya. Dalam kesibukan kita dengan hal dunia yang lain, cari dan curilah masa untuk beribadat pada 10 hari pertama dalam bulan Zulhijah.

Amalan pada 10 hari pertama bulan Zulhijah

Berdasarkan hadis yang dinyatakan tersebut, secara umumnya, segala amalan soleh yang dilakukan pada 10 hari pertama dalam bulan Zulhijah lebih dicintai oleh Allah SWT berbanding dengan amalan soleh pada masa lain. Namun begitu, sebahagian daripada ilmuwan Islam telah menyenaraikan beberapa amalan soleh yang dianjurkan untuk dilakukan pada tempoh tersebut.

Antaranya termasuklah solat pada awal waktu secara berjemaah, menunaikan haji dan umrah bagi golongan yang berkemampuan, berbakti kepada kedua-dua ibu bapa, memelihara silaturahim, bertaubat dan beristighfar, membaca al-Quran, melakukan ibadat korban bagi yang mampu, bersedekah, berzikir kepada Allah dan berselawat ke atas nabi, serta melakukan amar makruf nahi mungkar.

Selain melakukan amalan soleh yang bersifat umum, terdapat juga beberapa amalan soleh yang dianjurkan secara khusus sepanjang 10 hari pertama bulan Zulhijah. Dalam artikel ini, penulis akan memperincikan dua sahaja amalan soleh tersebut,

tanpa menafikan terdapat beberapa amalan lain lagi yang mempunyai anjuran khusus untuk dilakukan sepanjang tempoh yang dinyatakan.

1 Banyakkan berzikir

Pada 10 hari pertama bulan Zulhijah, kita digalakkan supaya perbanyakkan berzikir kepada Allah. Allah SWT berfirman dalam *Surah al-Hajj* ayat 28 yang bermaksud, “Dan supaya menyebut nama Allah pada hari-hari yang dimaklumi.” Menurut majoriti ilmuwan Islam, hari-hari yang dimaklumi yang dinyatakan dalam ayat ini adalah pada 10 hari pertama bulan Zulhijah.

Selain itu, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, “Tiada hari yang lebih agung dan disukai oleh Allah untuk beramal soleh selain 10 hari pertama bulan Zulhijah. Maka itu, perbanyakkanlah tasbih (Subhanallah), takbir (Allahuakbar), tahmid (alhamdulillah) dan tahlil (lailahailallah).” (Hadis riwayat Ahmad). Sebaik-baiknya, carilah masa khusus untuk kita berzikir dan bermunajat kepada Allah agar seluruh jiwa dan raga kita dapat dihadapkan kepada Allah, tanpa diganggu dengan perkara lain. Namun begitu, jika kita tidak mempunyai masa lapang untuk berzikir kerana kesibukan kerja dan urusan hidup yang lain, usahalah sebaik-baik mungkin untuk

mengisi setiap ruang dan peluang untuk berzikir kepada Allah. Contohnya, ketika menaiki kenderaan atau pengangkutan awam, memasak, mengemas rumah, menidurkan anak, bersenam dan lain-lain.


Seterusnya, setelah memasuki 9 Zulhijah yang juga merupakan Hari Arafah, kita disunatkan untuk bertakbir raya bermula selepas solat subuh. Takbir ini dinamakan takbir muqayyad, iaitu kita disunatkan untuk bertakbir raya setiap kali selepas solat, bermula dari solat subuh pada 9 Zulhijah hingga selepas solat Asar pada 13 Zulhijah yang merupakan hari tasyrik terakhir.

Sementara itu, sebaik-baik sahaja terbenam matahari pada 10 Zulhijah yang merupakan malam Hari Raya Aidiladha, kita disunatkan untuk bertakbir raya sebanyak mungkin dan tidak tertakluk pada masa selepas solat sahaja. Takbir ini dinamakan takbir mursal atau mutlak, iaitu kita disunatkan bertakbir raya sebanyak mungkin bermula detik terbenam matahari pada 10 Zulhijah yang merupakan malam Hari Raya Aidiladha sehingga imam mengangkat takbir solat Hari Raya Aidiladha.

2 Berpuasa sunat
Kita juga disunatkan untuk berpuasa pada 1 hingga 9 Zulhijah.

Hal ini selari dengan amalan Rasulullah SAW sebagaimana diriwayatkan dalam hadis yang bermaksud, "Rasulullah biasa berpuasa pada sembilan hari pertama bulan Zulhijah, pada hari Asyura dan berpuasa tiga hari setiap bulanannya." (Hadis riwayat Abu Dawud).

Bagi sesetengah individu, berpuasa pada sembilan hari dalam bulan Zulhijah lebih sukar daripada berpuasa 30 hari dalam bulan Ramadan kerana pada bulan Ramadan, semua umat Islam diwajibkan berpuasa. Berbeza daripada sembilan hari pertama bulan Zulhijah, terkadang hanya kita yang berpuasa. Oleh itu,



Amalan berzikir dan berdoa mendekatkan diri hamba dengan Penciptanya.

langkah baiknya jika kita menjadi manusia yang berperanan mengajak orang sekeliling untuk turut berpuasa pada sembilan hari pertama Zulhijah, sekurang-sekurangnya sesama ahli keluarga dan kawan-kawan rapat. Selain menambah pahala, kita juga akan memperoleh semangat untuk berpuasa bersama-sama orang sekeliling.

Sekiranya tidak berpeluang untuk berpuasa pada 1 hingga 9 Zulhijah, cubalah sebaik-baik mungkin untuk berpuasa sekurang-kurangnya pada Hari Arafah, iaitu pada tanggal 9 Zulhijah kerana fadilat berpuasa pada hari tersebut sangat besar. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Puasa Arafah dapat menghapuskan dosa setahun yang lalu dan setahun yang akan datang." (Hadis riwayat Muslim).

Pada kebiasaannya, apabila disebut "pesta ibadat", sudah pasti bulan Ramadan akan terlintas dalam minda kita. Benar, bulan Ramadan ialah bulan pesta ibadat, namun kita juga sepatutnya menjadikan 10 hari pertama bulan Zulhijah sebagai tempoh pesta ibadat. Pastikan amalan soleh kita dalam tempoh tersebut lebih banyak dan lebih baik berbanding dengan hari-hari biasa. Semoga Allah memberikan kekuatan kepada kita untuk menggandakan ibadat pada 10 hari pertama bulan Zulhijah. 🕌